

PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN OKUMP DI DARUL QURAN: SATU REVOLUSI KE ARAH MEMARTABATKAN PENDIDIKAN AL-QURAN DALAM KALANGAN OKU MASALAH PENGLIHATAN (OKUMP)

***Siti Nor Azimah Sabaruddin¹, Hamdi Ishak², Haziyah Hussein³
& Mohd Ridhwan Remly⁴***

Pensyarah Pusat Asasi UITM Cawangan Selangor, Kampus Dengkil¹

Pensyarah Kanan, Universiti Kebangsaan Malaysia^{2,3}

PHD Universiti Kebangsaan Malaysia⁴

nor_usim@yahoo.com.my¹

ABSTRAK

Program Pensijilan Tahfiz Orang Kurang Upaya Masalah Penglihatan (OKUMP) yang dijalankan di Darul Quran telah memberi peluang kepada OKU untuk turut sama mentadabburkan al-Quran serta menjaga kemutawatirannya. Program yang julung-julung kali diadakan pada tahun 2008 ini telah membuktikan bahawa OKU tidak dipinggirkan dalam institusi pendidikan negara. Justeru, artikel ini bertujuan untuk melihat sejarah penubuhan program ini sehingga melahirkan ramai huffaz al-Quran di kalangan OKU penglihatan. Selain itu, artikel ini mengupas kemudahan dan keistimewaan program serta kurikulum yang telah digubal oleh Unit Pembangunan Insan, JAKIM. Artikel ini hanya memfokuskan kepada pengajian sijil OKUMP sahaja. Ianya berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah dokumentasi, kepustakaan dan pensejarahan dalam mengumpul data kajian. Manakala, kaedah deskriptif pula digunakan bagi menganalisis data kajian. Kajian mendapati program ini telah banyak memberi impak positif dan merupakan satu lonjakan paradigma terhadap perkembangan pengajian al-Quran di kalangan OKU penglihatan. Pengajian secara formal ini telah membuktikan bahawa mereka juga mampu bergelar huffaz al-Quran sebagaimana golongan tipikal.

Kata kunci: Sijil Tahfiz Quran, OKU penglihatan, Darul Quran, institusi pendidikan negara, JAKIM

PENDAHULUAN

Menghafaz al-Quran merupakan satu usaha untuk mengelak dari sebarang usaha penyelewengan dan pemalsuan al-Quran. Allah telah memuji dan menyanjung tinggi kepada orang yang menghafaz al-Quran dengan memberi penghormatan dan gelaran yang mulia seperti pilihan Allah (Fathir 35:32), orang yang telah diberi ilmu (al-Ankabut 29:45) dan penjaga keaslian al-Quran (al-Hijr 15: 9).

Kewajipan menjaga kemutawatiran al-Quran ini turut dirasai oleh golongan OKU penglihatan. Mereka juga ingin turut serta menghafaz al-Quran di dalam dada mereka sebagaimana golongan normal. Kekurangan pancaindera tidak menghalang mereka untuk sama-sama memartabatkan ilmu al-Quran di dalam hati dan jiwa. Atas dasar minat yang mendalam dan sambutan yang menggalakkan di kalangan insan istimewa ini, pihak kerajaan mengambil inisiatif untuk menyediakan tempat menghafaz al-Quran secara formal bagi golongan OKU penglihatan Malaysia.

SEJARAH PENUBUHAN PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN ORANG KURANG UPAYA MASALAH PENGLIHATAN

Program ini ditubuhkan hasil dari cetusan idea pihak Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS). Ini kerana, golongan ini telah lama mengimpikan ruang dan peluang untuk menghafaz al-Quran secara formal. Hasrat ini telah disuarakan oleh Pengerusi PERTIS, Cikgu Zakaria Yahya kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2008 iaitu YB Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi. Setelah perbincangan dilakukan, beliau bersetuju untuk menyediakan tempat khusus bagi pengajian tahfiz golongan OKU masalah penglihatan di Malaysia (Zakaria Yahya. 2018).

Perbincangan dan kerjasama dilakukan bersama pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Darul Quran telah dipilih sebagai institusi yang bertanggungjawab untuk menyediakan program khas ini. Melalui kerjasama yang dijalankan, DQ menjadi satu-satunya institusi tahfiz kerajaan yang menyediakan pengajian tahfiz secara formal bagi OKU penglihatan di Malaysia. Pemilihan ini dilihat tepat kerana DQ merupakan institusi tahfiz pertama yang ditubuh dan ditadbir oleh Kerajaan Persekutuan (Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2018). Ia merupakan sebuah intitusi pendidikan terawal di Malaysia yang menyediakan pengajian tahfiz Quran dan menjadikan Hifz Quran sebagai kursus teras pengajian (niche area) (Nordin Ahmad. 2015).

Pada tahun 2008, program Pensijilan Tahfiz al-Quran ini telah diperkenalkan buat julung kalinya oleh JAKIM dan DQ kepada masyarakat OKU penglihatan. Program ini dinamakan sebagai Program Sijil Tahfiz OKUMP dan pengambilan pertama pelajar adalah pada bulan Disember 2008.

Pada peringkat awal penubuhan program, DQ telah berkerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi mencari pelajar OKU penglihatan yang berminat untuk menghafaz al-Quran. Satu sesi temuduga telah dijalankan dan pihak DQ telah turun ke semua zon bagi menemuduga pelajar yang layak. Seramai 30 orang telah menghadiri temuduga di seluruh Malaysia, namun hanya 18 orang pelajar telah dipilih sebagai perintis program (Nazariah Ali. 2017). Calon yang berkelayakan diperingkat sijil akan ditawarkan mengikuti pengajian diperingkat diploma pada tahun berikutnya.(Buku Sambutan Jubli Emas Darul Quran: 2016)

Menerusi program ini, para pelajar dikehendaki menghafaz sebanyak 6 juzuk al-Quran di samping mempelajari beberapa subjek lain dalam tempoh satu semester. Silibus ini adalah sama seperti pelajar tipikal di DQ. Program ini berlangsung sehingga tahun 2016 (Suhaida Che Samsuddin. 2017).

Namun begitu, setelah diteliti dan dikaji, berlaku penjenamaan semula program pada tahun 2017 di mana program ini telah dinamakan semula kepada Sijil Asas Tahfiz al-Quran. Menerusi program ini, sedikit pembaharuan telah dilakukan kerana ianya bukan lagi terfokus kepada golongan OKU penglihatan sahaja. Pengembangan diteruskan kepada kategori pelajar luar negara yang tidak memiliki kelayakan setara untuk menyambung pengajian ke peringkat diploma, terutama dari negara minoriti Islam seperti Vietnam dan Filipina. Seterusnya, program pengajian ini dibuka pula penyertaannya kepada pelajar di kalangan muallaf (Cina, India dan peribumi Sabah dan Sarawak) dan orang asli (Muhammad Toriq & Abdul Razak. 2018).

Akan tetapi, pengajian tahfiz al-Quran bagi OKU penglihatan dan pelajar luar negara diasingkan disebabkan oleh bahasa pengantar yang berbeza. Bagi OKU penglihatan, bahasa

pengantar yang digunakan ialah Bahasa Melayu dan Bahasa Arab digunakan bagi pelajar luar negara. Bagi program Sijil Asas Tahfiz al-Quran, DQ menerima empat orang pelajar OKU penglihatan pada tahun 2017, dua orang pelajar pada tahun 2018 dan seorang pelajar pada tahun 2019. Pengambilan pelajar OKU pada tahun 2018 ini mempunyai sedikit keistimewaan yang mana salah seorang calonnya adalah seorang muallaf. Statistik alumni pelajar tahfiz OKU penglihatan di DQ adalah sebagaimana jadual di bawah (Darul Quran (2019):

Jadual 1: Statistik alumni pelajar tahfiz al-Quran OKUMP

Tahun	Pelajar		Jumlah
	L	P	
2008	10	8	18
2009	-	-	-
2010	1	4	5
2011	-	-	-
2012	-	-	-
2013	7	3	10
2014	-	-	-
2015	4	3	7
2016	4	4	8
2017	1	3	4
2018	1	1	2
2019	-	1	1
Jumlah Keseluruhan Pelajar			55

KEMUDAHAN DAN KEISTIMEWAAN PENGAJIAN TAHFIZ DI DARUL QURAN

DQ merupakan satu-satunya institusi tahfiz yang sepenuhnya dibiayai oleh kerajaan Malaysia melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Pelajar ini dikecualikan bayaran yuran pengajian, peperiksaan dan penggunaan kemudahan kecuali makan minum, pakaian rasmi dan buku kuliah. Selain itu juga, mereka diberikan biasiswa sebanyak RM450 sebulan. Biasiswa ini disediakan oleh pihak JAKIM kepada semua pelajar termasuklah OKU masalah penglihatan (Nordin Ahmad.2015:6) .

Selain itu, pelajar juga disediakan kemudahan asrama secara percuma. Asrama ini lengkap dengan pelbagai kemudahan seperti surau, padang, *water dispenser*, dobi dan bilik yang selesa. Bagi kemudahan pelajar OKU masalah penglihatan juga, DQ telah menambahbaik fasiliti dan ciri-ciri keselamatan seperti membuat penutup longkang dan besi penghadang jalan bagi memudahkan pelajar berjalan di sekitar asrama. Ini bagi mengelakkan tragedi kemalangan seperti jatuh longkang ketika pelajar OKU penglihatan berjalan sendirian. Kemudahan-kemudahan yang disediakan ini pastinya lebih menyenangkan dan memberi keselesaan kepada para pelajar.

Dari segi kemudahan pembelajaran, DQ menyediakan pelbagai kemudahan asas seperti dewan kuliah, makmal komputer, makmal al-Quran, makmal bahasa, perpustakaan, surau, asrama lelaki dan perempuan, dewan makan, auditorium dan lain- lain. Manakala dari segi bahan pembelajaran pula, para pensyarah program ini komited menyediakan sendiri bahan-bahan

pembelajaran dalam bentuk Braille bagi kemudahan pengajian pelajar. Tugas ini diketuai oleh Ustaz Ahmad Qusairi dengan dibantu oleh para pensyarah dan sukarelawan pelajar. Beliau menggalas tanggungjawab membuat transkripsi bahan-bahan braille dan skrip jawapan peperiksaan pelajar. Skrip jawapan dalam bentuk braille akan disalin dalam perisian word dan diberi kepada pensyarah untuk memeriksa skrip jawapan pelajar. Bagi tujuan ini, pelbagai kemudahan peralatan dan teknologi terkini telah digunakan. Antaranya ialah komputer, perisian *converter*, terjemahan *Braille Duxbury* (DBT), JAWS (perisian bersuara) dan mesin cetak *Emboss*.

Dari segi kemudahan riadah pula, padang permainan untuk sepak takraw, bola sepak, badminton, bola tampar, bola jaring, bola keranjang dan trek jogging ada disediakan. Ini bagi memudahkan para pelajar untuk melakukan aktiviti bersukan.

Selain itu, terdapat satu lagi keistimewaan yang ada di DQ ialah persekitarannya yang mendamaikan dan menenangkan jiwa. Pemandangan indah DQ turut dihiasi dengan kewujudan tasik semula jadi di persekitaran masjid dan perpustakaan. Tidak ketinggalan juga, pemandangan hijau berlatarbelakangkan gunung-ganang boleh dilihat di sekitara kawasan itu. Suasana yang tenang dan damai di sini secara tidak langsung dapat merangsang minat pelajar untuk menghafaz al-Quran. Angin yang bertiup sepoi-sepoi bahasa menambahkan lagi keasyikan kepada penghafaz al-Quran di sini untuk menghafaz al-Quran dalam suasana yang tenang dan damai.

PROSES KEMASUKAN PELAJAR KE DARUL QURAN

Pada peringkat awal program ini dijalankan, pihak DQ telah bekerjasama dengan KPM dan pihak NGO seperti Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) dan *Malaysian Association for the Blind* (MAB) bagi mencari pelajar. Surat makluman program diedarkan dan pihak DQ telah turun ke sekolah-sekolah di semua zon bagi memberi pendedahan tentang program ini. Semua zon telah terlibat termasuk Utara, Barat, Timur dan Selatan bagi mencari pelajar dan melakukan temuduga. Bagi zon Pantai Timur, pihak DQ telah membuat temuduga di Sek.Men.Bukit Besar di Terengganu. Bagi zon selatan, Maktab Sultan Abu Bakar, Johor telah dipilih sebagai lokasi temuduga. Bagi zon Utara pula, tidak ramai calon yang berminat terhadap program ini. Justeru, pihak DQ menghantar surat makluman sahaja ke sekolah-sekolah. Lokasi terakhir temuduga ialah di Kuala Lumpur, iaitu di Sekolah Pendidikan Khas, Setapak dan *Malaysian Association for the Blind* (MAB).

Proses temuduga dijalankan dengan beberapa peringkat. Peringkat pertama adalah ujian kelancaran. Pada peringkat ini, pelajar diminta untuk membuka dan membaca mana-mana ayat di dalam al-Quran. Ujian ini dilakukan bagi melihat dan menguji tahap kelancaran bacaan al-Quran calon.

Setelah lulus peringkat pertama, calon akan ke peringkat kedua iaitu ujian hafazan. Calon akan diberi masa untuk menghafaz al-Quran dalam masa 30-40 minit. Panjang ayat yang perlu dihafaz adalah lebih kurang satu muka al-Quran bercetak bersamaan dua muka atau dua muka surat setengah al-Quran Braille. Setelah selesai di kedua-dua ujian kelayakan ini, calon akan memperoleh keputusan temuduga dalam masa sebulan hingga 2 bulan kemudian. Surat tawaran akan dihantar ke rumah bagi calon yang berjaya. Proses pengambilan pelajar baru adalah sebagaimana dalam jadual di bawah (Suhaida Che Samsudin, 2018):

Jadual 2: Proses pengambilan pelajar baru

Program/ Aktiviti	Tarikh
Iklan Kemasukan Pelajar Baru	24 September 2018
Permohonan dibuka	24 September 2018
Tarikh Tutup Permohonan	23 November 2018
Semakan Layak Temuduga	29 November 2018
Proses Temuduga	11-12 Disember 2018
Keputusan Temuduga	22 Disember 2018
Majlis Pendaftaran Pelajar Baru	18 Januari 2019

MAJLIS ORIENTASI DAN KURSUS MOBILITI PELAJAR TAHFIZ AL-QURAN OKU MASALAH PENGLIHATAN

Bagi pelajar sijil, proses pendaftaran pelajar bermula pada awal bulan Januari. Kebiasaannya, majlis orientasi diadakan selama seminggu. Pada hari pertama, pelajar diberi takimat dan majlis penyerahan pelajar akan dilakukan oleh pihak ibu bapa kepada DQ. Ianya sebagai simbolik penyerahan hak jagaan pelajar kepada pihak DQ sepanjang anak mereka belajar. Walaupun pelajar OKU penglihatan adalah pelajar istimewa, namun mereka tidak dikecualikan dan diasingkan, malah akan bersama-sama dengan pelajar normal yang lain bagi mengikuti program orientasi.

Antara tentatif program orientasi adalah Pengenalan Kaedah Hafazan, latihan menulis ayat, Latihan dalam Kumpulan (LDK) dan pelbagai modul lagi. Bagi pelajar OKU penglihatan, terdapat sedikit perbezaan tentatif program iaitu kursus mobiliti. Mobiliti ialah kebolehan seseorang OKU penglihatan untuk berjalan di sekelilingnya dari satu tempat ke satu tempat tanpa pertolongan orang lain. Kursus ini diadakan sebagai persediaan kepada pelajar OKU penglihatan untuk mengenali persekitaran DQ. Tujuan utama kursus ini dijalankan adalah untuk membantu pelajar bergerak sendiri dan tidak mengharapkan orang lain untuk ke tempat-tempat utama seperti kelas, café, asrama, tandas dan bangunan pentadbiran. Kursus ini dilakukan dengan bantuan pensyarah program tahfiz OKU penglihatan dan beberapa orang sukarelawan. (Suhaida Che Samsudin. 2018).

Bagi kursus ini, pelajar diajar mengira langkah dan tiang dengan menggunakan tongkat. Pelajar akan dibawa berjalan di sekitar kawasan yang terlibat dengan pembelajaran dan aktiviti seharian. Antaranya ialah dari bilik ke lobi, dari bilik ke kelas, dari bilik ke kantin, dan dari bilik ke masjid. Pelajar akan dibawa berulang kali ke tempat-tempat tersebut sehingga mereka mahir untuk pergi dan pulang sendiri tanpa bantuan pensyarah atau rakan-rakan. Namun begitu, pelajar istimewa ini tetap memerlukan sukarelawan bagi membantu mereka menghadiri program-program yang dijalankan di dalam atau di luar DQ.

KURIKULUM PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN OKU MASALAH PENGLIHATAN

Pelajar OKUMP dikehendaki mempelajari beberapa kursus wajib program iaitu Hifz al-Quran (Juzuk 1-10), Tajwid Amali, Tajwid Ilmi, Quran Braille, Fiqh, Aqidah, Tafsir dan Bahasa Arab (Suhaida. 2017) Syarat-syarat kemasukan pelajar adalah seperti berikut (JAKIM. 2018):

- i. Terbuka kepada kepada Warganegara Malaysia beragama Islam yang mempunyai masalah penglihatan dalam kategori Orang Kurang Upaya (OKU).
- ii. Berumur antara 17 hingga 25 tahun.

- iii. Lulus Peperiksaan Percubaan SPM dengan mendapat minimum gred C:
 - a. Bahasa Melayu;
 - b. Pendidikan Islam/Pendidikan Syariah Islamiyah/Pendidikan Al-Quran & Sunnah/Tasawwur Islam;
 - c. Minimum Gred E bagi Bahasa Inggeris.
- iv. Belum berkahwin.
- v. Berkebolehan menaip dan membaca al-Quran Braille.
- vi. Mempunyai minat yang tinggi untuk belajar.
- vii. Bersedia mengikuti kursus.
- viii. Sihat tubuh badan dan mental yang baik.
- ix. Lulus Temuduga.

Tempoh pengajian Sijil Asas Tahfiz al-Quran ini adalah sebanyak 12 bulan. Oleh itu, sepanjang 12 bulan tempoh pengajian ini, terdapat beberapa kursus pengajian yang ditawarkan (Yusri Chek. 2016:29). Kursus pengajian beserta jam kredit yang ditawarkan mengikut kumpulan pelajar adalah seperti berikut:

- a. Semester Satu:

Jadual 3: Kursus pengajian semester satu

Kursus	Kredit
Hifz al-Quran	4
Tajwid Ilmi	2
Al-Quran Braille	2
Bahasa Arab I	2
Aqidah I	1
Fiqh I	1

Pada semester ini, pelajar dikehendaki menghafaz sebanyak 5 juzuk al-Quran iaitu dari juzuk 1-5.

- b. Semester Dua:

Jadual 4: Kursus pengajian semester dua

Kursus	Kredit
Hifz al-Quran	4
Tajwid Amali	1
Bahasa Arab II	4
Tafsir	1

Pada semester kedua ini pula, para pelajar dikehendaki menghafaz juzuk 6 sehingga 10. Pelajar perlu menghabiskan sukatan pada masa yang telah ditetapkan bagi melayakkan diri ke peringkat diploma.

Dari segi penilaian, pelajar tahfiz OKU penglihatan ini juga tidak terlepas dari menduduki peperiksaan penilaian. Peperiksaan akan diadakan bagi semua subjek yang diambil untuk menentukan pelajar layak masuk ke program diploma dengan mendapat sekurangya maqbul. Taraf sijil yang dikurniakan adalah mengikut Mata Timbunan (CGPA) berikut:

Jadual 5: Mata Timbunan (CGPA)

Markah	Taraf
80-100	Amat Cemerlang (Mumtaz)
70-79	Cemerlang (Jayyid Jiddan)
60-69	Kepujian (Jayyid)
40-59	Lulus (Maqbul)
0-39	Gagal (Rasib)

Di dalam kelas, teks al-Quran Braille sahaja yang digunakan dan para pelajar akan diajar menggunakan al-Quran Braille, tajwid, teknik menyelenggara mesin Perkins Brailier dan *embosser* (Noor Najihan et.al. 2012.:42). Program ini diiktiraf dan calonnya dianugerahkan sijil tahfiz al-Quran dan layak untuk meneruskan pengajian ke peringkat diploma di DQ juga (Darul Quran. 2016). Di peringkat diploma, pengajian pelajar OKU penglihatan digabungkan dengan pelajar tipikal yang lain. Ini kerana, mereka sudah biasa dengan keadaan dan persekitaran di DQ sepanjang pengajian sijil.

Setelah tamat pengajian, graduan diploma ini dapat meneruskan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang berkampus tetap di Nilai, Negeri Sembilan ataupun mana-mana univeristi awam atau swasta yang lain. Justeru itu, pada tahun 2008, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah mengorak langkah awalnya dengan menawarkan subjek “Aplikasi Braille Dalam Pengajaran Quran dan Sunnah” dalam rangka menyediakan tenaga pakar dalam bidang tersebut sebelum menerima kemasukan graduan diploma tahfiz wa al-Qiraat JAKIM di peringkat sarjana muda (Mustaffa Abdullah. 2010: 25-26). Projek kerjasama USIM dan JAKIM ini dilihat sebagai satu usaha murni yang baik dan wajar diberikan pujian kerana telah memberikan sumbangan yang besar dalam memartabatkan al-Qur’an dalam kalangan golongan cacat penglihatan di negara ini.

PENCAPAIAN PELAJAR SIJIL ASAS TAHFIZ AL-QURAN OKU PENGLIHATAN

Beradasrkan temubual bersama penyelarar progam Ustazah Suhaida Che Samsudin (2018) setelah menambahbaik program pada tahun 2017, kesemua pelajar telah berjaya menghabiskan sukatan hafazan sebanyak 10 juzuk al-Quran pada masa yang ditetapkan dan mereka dapat menyambung pengajian ke peringkat diploma. Begitu juga dengan pencapaian pelajar pada tahun 2018. Hal ini juga turut diakui oleh pensyarah tasmī’ al-Quran iaitu Ustaz Ahmad Qusairi bin Mat Zizi bahawa kesemua pelajar berjaya menghabiskan muqarrar hafazan mengikut ketetapan pengajian. Menurut beliau, tiada perbezaan ketara di antara pelajar OKU penglihatan dengan pelajar tipikal. Ini kerana, dari segi sukatan hafazan, silibus, subjek dan kurikulum yang dipelajari adalah sama sahaja. Apa yang membezakan hanyalah pancandera mereka yang sedikit terbatas. Namun, keterbatasan ini tidak sesekali dijadikan sebagai penyebab dan penghalang dalam mencapai kejayaan dan kecemerlangan.

SUMBANGAN DARUL QURAN TERHADAP PENGAJIAN AL-QURAN OKU PENGLIHATAN

Dengan menyediakan pengajian tahfiz bagi OKU penglihatan, DQ telah banyak memberikan sumbangan kepada pengajian al-Quran OKU penglihatan samada secara langsung atau tidak langsung. Antara sumbangan DQ ialah:

i. Berkongsi kepakaran dalam bidang Braille al-Quran

Selain menyediakan pengajian tahfiz al-Quran, DQ juga turut berkongsi kepakaran dalam bidang Braille al-Quran. Ini kerana, DQ telah dilantik sebagai panel semakan Braille al-Quran oleh pihak JAKIM. Pensyarah DQ iaitu Ustaz Azhari bin Othman telah dilantik sebagai pengerusi. Jawatankuasa tersebut juga turut dianggotai oleh tujuh orang pelajar Darul Quran yang berpenglihatan dan tidak berpenglihatan yang mempunyai kemahiran dalam ilmu al-Quran iaitu Adlan bin Saidin, Abdullah Bukhari bin Abdul Rahim, Mohd. Hanapizi bin Abdullah, Mohd. Azam bin Che Yusuf, Mohd Zulkifli bin Mamat, Mohd. Salleh bin Ya'cob dan Fatimahwati binti Hj. Napiah (Yusri Chek. 2016:29).

ii. Bekerjasama dalam memperkukuhkan bidang pendidikan Islam melalui program kerjasama dengan institusi pengajian tinggi yang lain

Bagi memperkukuhkan lagi pendidikan Islam di kalangan OKU penglihatan, DQ telah menjalinkan kerjasama dengan USIM dengan menyediakan pengajian ijazah sarjana muda al-Quran dan al-Sunnah (Kepujian). Program ini menawarkan subjek Aplikasi Braille dalam pengajian al-Quran dan al-Sunnah. Ianya merupakan kursus yang wajib dipelajari dengan tiga jam kredit pada satu semester.

Dengan adanya program ini, tenaga kepakaran dalam bidang Braille al-Quran dapat dipertingkatkan. Ini kerana, kebanyakan guru pendidikan khas yang ada di sekolah sekarang tidak mempunyai kemahiran yang jitu dalam bidang braille. Ini kerana, semua guru yang terlibat dalam bidang Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Masalah Penglihatan hanya mengikuti latihan perguruan untuk Pendidikan Islam sahaja tanpa mempelajari bidang pendidikan khas. Ianya menjadi penyebab utama mengapa guru kementerian yang sedia ada di sekolah pendidikan khas sekarang tidak mahir terhadap kod-kod braille. Oleh itu, kerjasama DQ dengan USIM ini dilihat bertepatan bagi mengisi kelompangan yang ada.

iii. Menyemarak dan memperkukuhkan kajian berkaitan Braille al-Quran

Di samping menawarkan pengajian berkaitan Braille al-Quran, pensyarah-pensyarah DQ juga turut membantu menghasilkan kajian-kajian mengenai OKU Penglihatan. Ia dilakukan melalui kerjasama beberapa pensyarah DQ dalam menyumbang maklumat dan kepakaran yang berkaitan DQ. Antara kajian yang dilakukan ialah membantu pasukan kajian di kalangan pensyarah-pensyarah di USIM mengenai kajian berkaitan Braille al-Quran.

iv. Sumbangan melalui graduan alumni Darul Quran

Darul Quran telah melahirkan graduan yang mahir al-Quran Braille samada di kalangan berpenglihatan atau OKUMP. Kebanyakan alumni DQ yang tamat pengajian telah berkhidmat di sekolah-sekolah. Golongan ini mempunyai kemahiran Braille al-Quran dan dapat berkongsi kepakaran secara tidak langsung. Justeru, graduan-graduan yang terlatih dan mempunyai asas Braille al-Quran ini pastinya akan mampu menyampaikan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih baik.

PENUTUP

Program Pensijilan Tahfiz al-Quran bagi OKU penglihatan merupakan satu transformasi ke arah memartabatkan pengajian al-Quran dalam kalangan OKU penglihatan. Program ini sewajarnya diteruskan supaya dapat melahirkan ramai golongan huffaz al-Quran dalam kalangan OKU masalah penglihatan. Ini dapat membuktikan bahawa keterbatasan pancaindera tidak sewajarnya menjadi ukuran dan penanda aras kejayaan individu. Kejayaan golongan OKUMP dalam menghafaz al-Quran ini sewajarnya menjadi pencetus semangat kepada golongan tipikal untuk turut sama mentadabbur al-Quran.

RUJUKAN

- Buku Sambutan Jubli Emas Darul Quran*. 2016. Kuala Kubu Bharu: Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Darul Quran. 2006. *Sejarah Darul Quran*. Bahagian Perhubungan Darul Quran JAKIM. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Darul Quran. 2019. *Unit Kemasukan, Rekod dan Graduasi*.
- Hajaratul Bahti binti Zakaria. et.al. 2010. Proceeding of The 4th International Conference on Teacher Education: Join Conference UPI & UPSI. “*Isu dan Cabaran Guru dalam Pendidikan al-Quran Pelajar Bermasalah Penglihatan*.” Bandung, Indonesia, 8-10 November 2010.
- Muhammad Toriq Yaacob & Abdul Razak Mohd Zain. 2018. *Laporan Kajian di Darul Quran*.
- Mustafa Abdullah. 2010. *Isu-isu Pengurusan dan Pengimarahannya Masjid di Alaf Baru*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Islam. Cetakan Pertama.
- Noor Najihan Binti Jaafar, Norakyairee Mohd Raus, Abdoul Karim Toure, Abdul Muhaimin Ahmad, Mohd Nur Adzam Rasdi dan Nurul Asiah Fasiah Mohammad. 2012. *Metodologi Pengajian Tahfiz Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Bermasalah Penglihatan Program Diploma Tahfiz dan Dakwah, Darul Quran, Jakim*. Penyelidikan USIM.
- Nordin Ahmad. 2015. *Memperkasa Darul Quran ke Arah Memartabat Pendidikan Tahfiz di Malaysia*. Simposium Pendidikan Tahfiz Nusantara Dan Multaqa Huffaz Kali Ke IV pada 1 hingga 3 Jun 2015 di Dewan Datuk Mohd Shahir, Institut Latihan Islam Malaysia, Bandar Baru Bangi, Selangor.
- Portal Rasmi Darul Quran. <http://www.darulquran.gov.my/xs/page.php?id=15>
- Temubual bersama Ahmad Qusairy bin Mat Zizi. 2017.
- Temubual bersama Nazariah Ali. 2017.
- Temubual bersama Suhaida Che Samsuddin. 2017.
- Temubual bersama Zakaria Yahya. 2018.
- Yusri Chek & Sabri Mohamad. 2016. *Sumbangan Darul Quran (Jakim) Terhadap Pengajian al-Quran dalam Kalangan Orang Kurang Upaya Penglihatan*.